

Kemajuan seimbang diutamakan: Mahathir

19 JUL 1991

Oleh ZAMZAM OMAR
KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan akan mengutamakan pembangunan kanak-kanak yang seimbang di segi fizikal, mental dan kerohanian termasuk nilai moral, etika dan sikap, sebagai sumber manusia terpenting untuk negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, semua golongan kanak-kanak akan diambil kira dalam perancangan itu dengan perhatian khusus diberi kepada yang kurang bernasib baik, iaitu kanak-kanak yang kekurangan dan malang.

"Perancangan dasar ini akan membabitkan semua golongan kanak-kanak dan perhatian khusus diberi kepada mereka yang kurang bernasib baik, iaitu selaras dengan matlamat kerajaan mewujudkan masyarakat penyayang.

"Selain itu, negara juga akan menyediakan rangkaian Pelan Tindakan Kebangsaan, tindakan susulan bagi melaksanakan komitmen kepada Deklarasi Sedunia Mengenal Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak," katanya di upacara menandatangani Deklarasi Sedunia Mengenal Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak disini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pelan tindakan yang siap sebelum akhir tahun ini, memberi penekanan serius kepada program pembangunan kanak-kanak dengan kerjasama semua pihak termasuk sektor awam, swasta dan masyarakat seluruhnya.

"Kanak-kanak negara ini bertuah kerana tidak perlu tinggal di tepi

jalan atau dijual untuk pemindahan organ. Mereka juga bertuah kerana negara tidak ditimpa bencana alam yang buruk dan perang.

"Mereka juga bernasib baik kerana program kesihatan dan pembangunan tidak terjejas walaupun seperti yang dialami oleh beberapa negara membangun ketika kemelesetan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak adalah kekayaan negara dan keluarga yang memerlukan perhatian dan jagaan istimewa. Untuk itu, usaha ditingkatkan bagi membasmi kemiskinan dan mewujudkan kehidupan selesa bagi mereka.

Menurut Perdana Menteri, dalam melaksanakan komitmen deklarasi itu juga, Malaysia sedia bekerjasama di peringkat antarabangsa bagi memudahkan usaha sedunia khususnya di negara kurang maju.

Dalam usaha ini, katanya, Malaysia sudah memberi sumbangan kepada kanak-kanak antarabangsa yang ditimpa kemalangan atau kecemasan, ini termasuk AS\$100,000 bagi kanak-kanak mangsa Perang Teluk di Iraq.

Perdana Menteri mengulangi pendirian negara memberi kerjasama kepada pelbagai agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) termasuk UNICEF dan institusi antarabangsa lain demi kesejahteraan kanak-kanak seluruh dunia.

Beliau berkata, sejak merdeka semua rancangan pembangunan negara merangkumi pelbagai program dan strategi ke arah kehidupan, pembangunan dan perlindungan bagi memenuhi keperluan asas kanak-kanak.